

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]

TARIKH : 24.3.2015

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk meningkatkan profesion keguruan dalam kalangan pentadbir dan pengurusan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menambahbaik profesion keguruan khususnya dalam kalangan pentadbir dan pengurusan sekolah. Antara usaha tersebut termasuklah melaksanakan syarat baharu pemilihan Pengetua dan Guru Besar (PGB) telah dilaksanakan mulai bulan Julai 2014. Bagi mendapatkan calon PGB yang kompeten dan berprestasi tinggi, perubahan dalam syarat pemilihan PGB telah dilaksanakan iaitu dari kriteria berasaskan tempoh perkhidmatan kepada kriteria instruksional berasaskan kecekapan kepimpinan.

Syarat lulus Program Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) merupakan salah satu kriteria khusus bagi memilih pemimpin berprestasi tinggi untuk menerajui kepimpinan di

peringkat sekolah. JPN telah diminta untuk mengenalpasti calon-calon yang layak dan memenuhi syarat untuk diperakukan bagi mengikuti kursus NPQEL di IAB sebelum diperakukan untuk mengisi jawatan PGB.

KPM juga telah membuat penataran Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) kepada Guru dan Pemimpin sekolah pada bulan November hingga Disember 2014. PPPB disediakan sebagai rujukan bagi memudahkan guru dan pemimpin sekolah menentukan hala tuju pembangunan profesionalisme sendiri selaras dengan prinsip pembelajaran sepanjang tempoh perkhidmatan.

Pemimpin sekolah dikehendaki melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme abad ke-21 melalui aktiviti-aktiviti Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) bagi memastikan mereka dapat memimpin guru dari segi intelek, emosi dan jasmani dan seterusnya melahirkan keberhasilan murid yang unggul dan holistik serta menepati kualiti pendidikan global.

RJM60